

D997

B B752 DEB
BN - PBS/USNO 2 2 2

KUALA LUMPUR, 5 JUN (BERNAMA) -- PARTI BESATU SABAH (PBS) YANG MEMERINTAH SABAH DAN USNO HARI INI DITERIMA MENJADI ANGGOTA BARISAN NASIONAL (BN).

KEPUTUSAN INI DICAPAI PADA MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI BN DI KOMPLEKS UMNO YANG DIPENGERUSIKAN OLEH PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD.

DENGAN KEMASUKAN DUA BUAH PARTI DARI SABAH ITU, BARISAN NASIONAL KINI MEMPUYAI 13 ANGGOTA.

BAGI USNO INI MERUPAKAN KALI KEDUA IA MENYERTAI BN SETELAH DISINGKIR PADA 15 APRIL 1984 KERANA PENDIRIANNYA BERTUBUH DENGAN PENUBUHAN LABUAN SEBAGAI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN ISU PINDAAN PERLEMBAGAAN.

PERDANA MENTERI MEMBERITAHU PERSIDANGAN AKHBAR SELEPAS MESYUARAT ITU BAHAWA USNO DITERIMA SEMULA KE DALAM BN SETELAH PARTI ITU MENGUBAH PENDIRIANNYA MENGENAI PENUBUHAN LABUAN SEBAGAI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN ISU PINDAAN PERLEMBAGAAN. -- LAGI.
2022MST 05 06 86

D004

B B754 DEB
BN - PBS/USNO 2 KUALA LUMPUR 2 2 2

+USNO TELAH MENGHURAIKAN KENAPA IA BERPENDIRIAN SEDEMIKIAN DAHULU DAN KINI TIDAK LAGI MENERIMA PEGANGANG SEUMPAMA ITU, SEBALIKNYA MENERIMA SEPENUHNYA PENDIRIAN BARISAN NASIONAL MENGENAI DUA PERKARA ITU,+ KATANYA.

PERMOHONAN PBS UNTUK MENJADI ANGGOTA BN TELAH DICADANGKAN OLEH PRESIDEN BERJAYA DATUK HAJI MOHAMED NOOR MANSUR, YANG JUGA MERUPAKAN PENERUSI BN SABAH DAN DISOKONG OLEH PRESIDEN MIC DATUK S. SAMY VELLU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA DATUK MOHAMED NOOR JUGA BERSEDIA MENYERAHKAN JAWATAN ITU KEPADA PRESIDEN PBS DAN KETUA MENTERI SABAH DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN.

+DENGAN INI BERMAKNA DATUK PAIRIN MENJADI PENERUSI BN DI SABAH, SEPERTIMANA JUGA MENTERI-MENTERI BESAR DAN KETUA-KETUA MENTERI DI NEGERI MASING-MASING,+ KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KEPUTUSAN YANG DIBUAT OLEH MAJLIS TERTINGGI BN ITU BERKUATKUASA DENGAN SERTA-MERTA. -- LAGI.
2033MST 05 06 86

D017

B B760 DEB
BN - PBS/USNO 3 KUALA LUMPUR

KEPADA PERTANYAAN PARA PEMBERITA, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU YAKIN YANG PBS, USNO DAN BERJAYA, SEBAGAI ANGGOTA BN AKAN BEKERJASAMA DALAM USAHA MEMBANGUNKAN SABAH.

KERJASAMA SEUMPAMA ITU PERNAH BERLAKU SEMASA BERJAYA MENJADI PARTI PEMERINTAH DAN USNO PARTI PEMBANGKANG, KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA ENGGAN MENGULAS LEBIH LANJUT MENGENAI PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG SELAIN BERKATA IA ADA DIBINCANGKAN DALAM MESYUARAT HARI INI.

KETIKA DITANYA SAMA ADA SESUATU TARIKH DITETAPKAN, BELIAU BERKATA= +YA, KAMI BERSETUJU SEBULAT SUARA IA AKAN DIADAKAN ANTARA SEKARANG DAN JUN TAHUN DEPAN.+ -- BERNAMA.
2054MST 05 06 86